# PELAN STRATEGIK
## 2021 - 2025




## MAJLIS DAERAH TUARAN

**"SABAH MAJU JAYA"**

# ISI KANDUNGAN


## BAB 1 PENDAHULUAN ........ 1

Perutusan Pengerusi ........ 2
Kata-kata Aluan Pegawai Eksekutif ........ 3
Sejarah Penubuhan ........ 4
Carta Organisasi ........ 5
Piagam Pelanggan ........ 6
Hala Tuju Strategik / Stakeholder Dan Pelanggan ........ 7
Objektif Strategik / Strategik ........ 8
Matlamat / Fungsi Utama Majlis Daerah Tuaran ........ 9
Pelaksanaan Fungsi Utama Jabatan ........ 10 - 13

## BAB 2 ANALISA PERSEKITARAN ........ 14

Analisa Persekitaran ........ 15 - 16
Isu Dan Cabaran Kritikal ........ 17 - 18

## BAB 3 HALA TUJU STRATEGIK ........ 19

Nilai - Nilai Bersama ........ 20
Lapan (8) Fokus / Teras Utama Pelan Strategik ........ 21
Teras Strategik 1 ........ 22 - 24
Teras Stretegik 2 ........ 25 - 26
Teras Strategik 3 ........ 27 - 28
Teras Strategik 4 ........ 29 - 30
Teras Strategik 5 ........ 31 - 33
Teras Strategik 6 ........ 34 - 35
Teras Strategik 7 ........ 36 - 38
Teras Strategik 8 ........ 39 - 40

## BAB 4 PENUTUP ........ 41

Mekanisma Pelaksanaan Pelan Strategik ........ 42
Jawatankuasa Pelan Strategik ........ 43
Penutup ........ 44
Lampiran ........ 45 - 48




# PENDAHULUAN

## — BAB 1 —

# PERUTUSAN PENGERUSI MAJLIS DAERAH TUARAN



Bismillahhirramanirrahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sabah Maju Jaya.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik Majlis Daerah Tuaran 2021 hingga 2025 telah dapat dirangka dengan begitu sempurna selaras hasrat menjadikan Daerah Tuaran sebagai sebuah Daerah maju, makmur dan sejahtera menjelang tahun 2025.

Dalam Pelan Strategik 2021-2025 ini, Majlis Daerah Tuaran telah menggariskan visi dan misi yang begitu jelas khususnya dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selain memberi penekanan kepada penambahbaikan tadbir urus organisasi dan peningkatan kualiti hidup bagi menjamin keharmonian masyarakat.

Pada kesimpulanya, Pelan Strategik ini telah diolah berdasarkan kepentingan semua pihak dan diharapkan ianya akan dijadikan sebagai bahan rujukan utama serta panduan setiap warga kerja dalam melaksanakan tugas termasuk membuat keputusan penting bagi mencapai visi dan misi Majlis Daerah Tuaran.

Pengurusan Majlis Daerah Tuaran amat menghargai segala komitmen dan sumbangan yang diberikan oleh semua kakitangan serta para pelanggan dalam menjayakan Pelan Strategik ini. Semoga segala yang dirancang dan yang akan dilaksanakan dapat memberikan manfaat dan kesejahteraan kepada seluruh warga Majlis Daerah Tuaran dan memperolehi keberkatan dan keizinan Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(SADAN BIN HAJI HUSSAIN)**
**Pengerusi**
**Majlis Daerah Tuaran**

# KATA-KATA ALUAN PEGAWAI EKSEKUTIF MAJLIS DAERAH TUARAN



Bismillahhirramanirrahim Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sabah Maju Jaya.

Pelan Strategik Majlis Daerah Tuaran bagi tahu 2021 hingga 2025 adalah merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik Majlis Daerah Tuaran tahun 2021 hingga 2020 yang lalu. Pelan Strategik ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju Majlis Daerah Tuaran bagi tempoh lima (5) tahun akan datang dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja yang cemerlang dan identiti organisasi terbilang.

Saya mengambil kesempatan ini bagi menjelaskan beberapa perkara yang perlu dititikberatkan supaya penambahbaikan dalam sistem kerja dapat dibuat. Antara masalah dominan yang perlu diambil perhatian adalah undang-undang yang lapuk dan tidak selari dengan keadaan semasa. Dengan adanya undang-undang yang kemaskini dan selari dengan dengan arus pemodenan, Majlis Daerah Tuaran dapat menjana pendapatan untuk menambah sumber kewangan yang terhad. Melalui sumber kewangan juga beberapa kemudahan dapat disediakan termasuklah kemudahan ICT bagi menggantikan sistem yang manual yang digunapakai ketika ini.

Dalam proses menyiapkan Pelan Strategik ini. Majlis Daerah Tuaran meneliti dan mengambil kira keperluan dan kepentingan semua pihak. Oleh yang demikian, Pelan Strategik ini akan dijadikan bahan rujukan utama semua warga kerja sebagai panduan dalam melaksanakan tugas serta membuat keputusan penting dalam mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Majlis Daerah Tuaran akan sentiasa membuat pemantauan terhadap pelaksanaan semua Pelan Tindakan dan indikator yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.

Penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai yang terlibat dalam menyediakan Pelan Strategik ini. Semoga komitmen penuh dari pihak pengurusan Majlis Daerah Tuaran dan sokongan semua warga kerja dapat merialisasikan kejayaan Pelan Strategik Majlis Daerah Tuaran menjelang tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**(JAMLIN BIN LADIN)**

**Pegawai Eksekutif**
**Majlis Daerah Tuaran**

# SEJARAH PENUBUHAN

Majlis Daerah Tuaran telah ditubuhkan pada 01 Januari 1958 dibawah "Rural Govermant Ordinance Cap. 132" dan mula berkuatkuasa sebagai Badan Berkuasa Tempatan pada 01 Januari 1962 dibawah Ordinan Kuasa Tempatan 1961 dan Suratcara Majlis Daerah Tuaran 1961.




Pekan Pentadbiran Majlis Daerah Tuaran terletak di pekan Tuaran. Sebelum ini Majlis berpejabat di bangunan Urusetia Kecil Tuaran. Pada tahun 1994, cadangan membina kompleks Pejabat Majlis Daerah Tuaran telah diluluskan dan pembinaan dimulakan, bangunan baru Majlis ini dinamakan bangunan Kompleks Majlis Daerah Tuaran dan telahpun diduduki pada penghujuang tahun 1997.

# CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH TUARAN



SADAN HAJI HUSSAIN

PENGERUSI

AHLI MAJLIS



JAMLIN BIN LADIN

PEGAWAI EKSEKUTIF



SITI ARNIZAH RUMSANI

KETUA UNIT PENTADBIRAN



ALFAD MARUF

KETUA UNIT PEMBANGUNAN



ANDREW LALL

KETUA UNIT KESIHATAN & PERKHIDMATAN



YUNUS HJ. IDRIS

KETUA UNIT PELESENAN



ALFIAN RAHIM

KETUA UNIT PENGUATKUASA



ROGER JAMES

KETUA UNIT KEWANGAN



ABDUL KAHIM HAJI ABDUL SANIP

KETUA UNIT PPR



ALFRED NAWAB INJIN

KETUA UNIT TAMPARULI

# PIAGAM PELANGGAN MAJLIS DAERAH TUARAN

Sebagai sebuah Badan Berkuasa Tempatan yang memegang cogankata "Berkhidmat Ke Arah Kemajuan" Kami melaksanakan Piagam Pelanggan berteraskan perkhidmatan Cekap, Berkualiti sentiasa bersedia membantu dengan layanan mesra bagi setiap keperluan berikut ;-

1. Pemungutan Sisa Pepejal :-

   Kawasan Perniagaan Tuaran/Tamparuli - Setiap hari
   Kawasan Perumahan - 3 kali seminggu
   Pekan Tanghilan & Kiulu - 2 kali seminggu



2. Kelulusan Lesen Premis Makanan (Jika memenuhi syarat) - 2 minggu
3. Kelulusan Lesen-lesen Pelbagai (Jika memenuhi syarat) - 20 hari
4. Pemprosesan Tempahan Dewan, Perabot dan Peralatan Majlis. (Jika memenuhi syarat) - 2 hari
5. Kelulusan Pelan Pembangunan (Jika memenuhi syarat) - 3 bulan
6. Kelulusan Pelan Bangunan (Jika memenuhi syarat) - 2 bulan
7. Kelulusan Pelan Pecahan (Jika memenuhi syarat) - 2 bulan
8. Pengeluaran Sijil Pegangan (O.C) (Jika memenuhi syarat) - 2 minggu



9. Perkhidmatan Kaunter Pemungutan Hasil mengikut masa pembayaran berikut :-

| Hari | Pagi | Petang |
|---|---|---|
| Isnin - Khamis | 8. 00 - 1. 00 | 2. 00 - 3. 00 |
| Jumaat | 8.00 - 11.30 | 2. 00 - 3. 00 |

10. Pemberian insentif bagi pembayaran cukai perkara am sebelum 31 Mac setiap tahun dan faedah 5% akan dikenakan kepada kelewatan pembayaran setiap suku tahun.

# HALA TUJU STRATEGIK

**VISI**

Menjadikan Majlis Daerah Tuaran sebuah PBT yang unggul di Negeri Sabah Menjelang Tahun 2025, Unggul dari segi Pentadbiran, Pengurusan, Pembangunan dan Penyampaian Perkhidmatan.

**MISI**

Memastikan Pengurusan, Perkhidmatan dan Pembangunan yang Terancang, Bersistematik, Cekap, dan Berkesan bagi Kemakmuran Masyarakat.

**MOTO/ SLOGAN**

"TUARANKU BERSIH INDAH"

# STAKEHOLDER DAN PELANGGAN

## STAKEHOLDER

i. Kerajaan Persekutuan
ii. Kerajaan Negeri Sabah
iii. Setiausaha Kerajaan Negeri
iv. Ahli-Ahli Majlis Daerah

## PELANGGAN

i. Agensi Kakitangan Kerajaan/Swasta
ii. Pertubuhan Bukan Kerajaan
iii. Syarikat Konsesi
iv. Pemilik Kediaman/Premis Perniagaan
v. Komuniti Perniagaan
vi. Pembayaran cukai dan Lesen
vii. Pelawatan/Pelancongan

# OBJEKTIF STRATEGIK

1. Memantapkan keupayaan dan kapasiti oerganisasi bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.
2. Berusaha sejauhmana yang boleh untuk berdikari dari segi kewangan supaya tidak terlalu bergantung kepada bantuan bantuan kerajaan.
3. Memperkasakan tadbir urus organisasi dan pembudayaan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan organisasi.
4. Memperkukuhkan pengurusan dan perkhidmatan serta perkhidmatan perbandaran dan kemakmuran.
5. Mewujudkan lebih banyak kemudahan dan infrastruktur awam bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat.
6. Mempergiatkan pembangunan Bandar dan desa serta memperkukuhkan sosial-ekonomi secara holistik untuk kesejahteraan masyarakat.
7. Mempertingkatkan keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan mengekalkan perpaduan dan keharmonian masyarakat.

# STRATERGI




1. Mewujudkan pembangunan yang mampan sebagai penjana kepada kesinambungan antara pembangunan sosial dan ekonomi.
2. Mewujudkan sistem Bandar yang terancang, dilengkapi dengan infrastruktur yang tersusun, sistem komunikasi yang teratur dan berteknologi canggih.
3. Memelihara alam sekitar yang sempurna dengan landskap teratur.
4. Meningkatkan keupayaan Majlis dalam perkhidmatan kepada orang awam.
5. Mewujudkan suasana persekitaran yang lebih bersih dan selesa.

# MATLAMAT

Matlamat utama Majlis Daerah Tuaran adalah untuk memberikan segala kemudahan asa dan infrastruktur kepada orang awam terutama penduduk yang tinggal di kawasan luar Bandar supaya dapat mencapai taraf hidup yang lebih sempurna dan sistematik selaras dengan polisi dan rancangan pembangunan kerajaan.



# FUNGSI UTAMA MAJLIS DAERAH TUARAN

Menerima, memproses dan meluluskan Pelan Pembangunan, Pelan Bangunan dan Pelan. Rumah.

Mengenalpasti kawasan-kawasan baru yang untuk dimasukkan ke dalam kawasan percukaian.

Memastikan bandar dalam keadaan bersih.

Merancang, membina dan menyelenggara infrastruktur dan kemudahan awam.

Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang sedia ada.



Menerima, memproses dan meluluskan lesen-lesen perniagaan berikut :-

i) Lesen Pusat Hiburan Awam
ii) Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan dan Kecantikan
iii) Lesen Pasar
iv) Lesen Premis Makanan
v) Lesen Pusat Penjaja
vi) Lesen Penjaja Bergerak
vii) Lesen Salon Rambut
viii) Lesen Biliard
ix) Lesen Papan Tanda dan Papan Iklan



# PELAKSANAAN FUNGSI UTAMA JABATAN

Sistem pentadbiran Majlis Daerah Tuaran diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir (Gred N44) dan dibantu oleh Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Gred N32), Penolong pegawai Tadbir (Gred N27) dan enam orang Ketua Unit yang mempunyai fungsi dan peranan masing-masing untuk menjalankan fungsi-fungsi Utama Majlis Daerah Tuaran bagi mencapai visi, misi dan objektif jabatan. Senarai fungsi bagi setiap Unit seperti berikut :-

## 1 UNIT PENTADBIRAN

Fungsi utama Unit Pentadbiran Majlis Daerah Tuaran seperti berikut :-

1. Mengendali dan mengawal pentadbiran secara keseluruhan.
2. Bertanggungjawab terhadap perkembangan dan pelaksanaan projek-projek Majlis.
3. Menjalankan polisi yang ditetapkan.
4. Menguruskan hal-hal kakitangan.

## 2 UNIT PEMBANGUNAN

Fungsi utama Unit Pembangunan Majlis Daerah Tuaran seperti berikut :-

1. Membuat perancangan Pembangunan, menyediakan kos anggaran, lukisan teknikal dan kertas kerja ke atas cadangan projek-projek Majlis Daerah Tuaran untuk memohon peruntukan
2. Memproses permohonan kelulusan Pelan-pelan Pembangunan, Bangunan, Pengubahsuaian Bangunan, Pecah Bahagian dan peruntukan Zoning yang dikemukakan kepada Majlis Daerah Tuaran
3. Membuat pemeriksaan dan mengeluarkan Sijil Pegangan ke atas mana-mana Projek Pembangunan yang telah diap didirikan
4. Menyediakan dokumen-dokumen, pelan binaan dan teknikal, mengawal selia projek-projek Majlis Daerah Tuaran
5. Mewujudkan pembangunan mampan sebagai penjana kepada kesinambungan antara pembangunan social dan ekonomi.
6. Mewujudkan sistem bandar yang terancang , dilengkapi dengan infrastruktur yang tersusun, sistem telekomunikasi, teknologi dan mekanikal yang teratur.
7. Memelihara alam sekitar yang sempurna dengan landskap yang terancang dan teratur.

## 3 UNIT KEWANGAN

Fungsi utama Unit Kewangan Majlis Daerah Tuaran seperti berikut :-

1. Mengawal kewangan Majlis secara keseluruhannya.
2. Menyediakan anggaran perbelanjaan dan hasil pada setiap tahun.
3. Memastikan pengguna kewangan dipatuhi dengan sempurna.
4. Menyediakan penyata belanjawan bulanan dan tahunan.

## 4 UNIT PENILAIAN

Fungsi utama Unit Penilaian Majlis Daerah Tuaran adalah seperi berikut :-

1. Menyediakan senarai penilaian Harta Berkadar di dalam Kawasan percukaian Majlis Daerah Tuaran.
2. Mengemaskini Buku Daftar Cukai Perkara Am.
3. Menyediakan laporan penilaian keatas :-
   (a) Harta Berkadar seperti kediaman, komersil, perindustrian dan tanah kosong (termasuk tanah pertanian) bagi tujuan tuntutan cukai/taksiran.
   (b) Harta-harta Majlis bagi tujuan jualbeli, penyewaan, bayaran pampasan dan projek usahama (JV).
4. Menyediakan Perintah kadar setiap tahun dan senarai Nilaian untuk ditawarkan dalam Warta Kerajaan.
5. Menyediakan laporan tuntutan Caruman Membantu Kadar (CMK) harta kerajaan Negeri dan persekutuan
6. Menjalankan kerja-kerja meminda Senarai Nilaian bagi harta-harta berkadar yang terdapat pembangunan baru, perubahan atau penambahan, pecah bagi geran, perobohan dan sebagainya mengikut peruntukan Seksyen 85, Ordinan kerajaan Tempatan 1961.
7. Menetapkan rayuan tribunal perkadaran untuk mendegar bantahan/rayuan penilaian kadaran hartanah.

## 5 UNIT KESIHATAN

Fungsi Utama Kesihatan Majlis Daerah Tuaran seperti berikut :-

1. Menyelaraskan Kad Kesihatan bagi setiap pengurus dan pekerja yang mengendalikan makanan bagi setiap pengurus dan pekerja yang mengendalikan makanan pada keseluruhan
2. Membuat pemantauan ke premis-premis makanan bagi mempastikan semua premis makanan sentiasa dalam keadaan bersih
3. Mengawal kebersihan, Kecantikan dan keindahan Bandar-bandar dan taman-taman yang berada dalam kawasan percukaian Majlis.
4. Mempastikan peraturan-peraturan makanan dan kesihatan dipatuhi oleh pihak yang berkenaan.
5. Mengendalikan kecantikan dan keindahan pekan-pekan dan taman-taman serta kebersihan pekan.
6. Meningkatkan sistem perkhidmatan, penyampaian dan keupayaan Majlis kepada semua orang awam.
7. Mewujudakan suasana persekitaran pekan yang lebih bersih dan selesa.
8. Membuat tindakan susulan terhadap aduan orang awam.

## 6 UNIT PENGUATKUASA

Fungsi utama Unit Penguatkuasa Majlis Daerah Tuaran seperti berikut :-

1. Membuat pemantauan penjual-penjual rokok haram di kaki lima kedai seterusnya membuat rokok haram
2. Membuat pemantauan premis yang menjalankan perniagaan Pusat Hiburan Awam seperti Pusat Servis Internet, Karaoke dan lain-lain
3. Mengawal penjaja di kawasan pekan, bangunan haram dan sebagainya.
4. Memastikan undang-undang dan peraturan telah dijalan dengan sempurna.
5. Menguatkuasakan undang-undang kecil yang dilaksanakn berikut :

    5.1 Tuaran District Council Instrument, 1961 (G.N.S. 76/1961)

    5.2 Pig control (Tuaran Area) By-laws, 1956 (G.N.S. 76/1956)

    5.3 Tuaran District Council (Tamu) By-laws, 1958 (G.N.S. 96/1958)

    5.4 Tuaran District Council (Advertisements) By-laws, 1965 (G.N.S. 39/1965)

5.5 Tuaran District Council (Dealing In Scrap) By-laws, 1965 (G.N.S. 40/1965)

5.6 Tuaran District Council (Food and Eating Premis) By-laws 1965 (G.N.S. 41/1965)

5.7 Tuaran District Council (Hairdressers) By-laws 1965 (G.N.S. 42/1965)

5.8 Tuaran District Council (Hawkers) By-laws 1965 (G.N.S. 43/1965)

5.9 Tuaran District Council (Hotels and Logding Houses) By-laws 1965 (G.N.S. 44 -1965)

5.10. Tuaran District Council (Laundries) By-laws 1965 (G.N.S. 45/1965)

5.11. Tuaran District Council (Markets) By-laws 1965 (G.N.S. 46/1965)

5.13. Tuaran District Council (Streets and Public Places) By-laws 1965 (G.N.S. 48/1965)

5.14. Tuaran District Council (Conservancy and Hygiene) By-laws 1965 (G.N.S. 49/1965)

5.15. Tuaran District Council (Dairies and Dairymen) By-laws 1965 (G.N.S. 50/1965)

5.16. Tuaran District Council (Offensive Trades) By-laws 1965 (G.N.S. 51/1965)

5.17. Tuaran District Council (Slaughterhouse) By-laws 1966 (G.N.S. 52/1965)

5.18. Tuaran District Council (Liquors) By-laws 1977 (G.N.S. 73/1977)

5.19. Tuaran District Council (Pig Control) By-laws 1977 (G.N.S. 73/1977) (G.N.S. 73/1977)



# ANALISA PERSEKITARAN

## BAB 2

# ANALISA PERSEKITARAN

Bagi merialisasikan impian, untuk menjadikan Majlis Daerah Tuaran sesebuah organisasi yang unggul dan gemilang Majlis Daerah Tuaran telah melaksanakan Analisa Persekitaran menggunalan kaedah analisis SWOT dan PASTEL bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang di hadapi oleh Majlis Daerah Tuaran. Cabaran utama Majlis Daerah Tuaran adalah memastikan semua warga kerja dapat melaksanakan segala fungsi-fungsi dan strategik-strategik yang dirancang dengan baik. Dalam hal ini, perubahan persekitaran yang didorong faktor-faktor luaran dan dalaman yang dikenal pasti dan perlu ditangani adalah seperti berikut :-

## 1 PENGURUSAN PENTADBIRAN ORGANISASI

Kempimpinan yang baik di Majlis Daerah Tuaran amat dihargai yang mana ianya mengamalkan sistem kerja berpasukan dan secara kekeluargaan diantara semua warga kerja bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Pelan Strategik Majlis Daerah Tuaran dapat dicapai berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan juga kemahiran yang ada pada setiap warga kerja. Selain itu, jalinan Kerjasama dari agensi-agensi daerah sebagai penasihat Teknikal yang terbaik

## 2 MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI

Majlis Daerah Tuaran perlu memperkasakan tadbir urus organisasi dengan menerapkan nilai-nilai murni dikalangan semua kakitangan serta memantapkan sistem dan prosedur kerja bagi memastikan tadbir urus yang cemerlang dan berkualiti. perkara Ini adalah untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan yang berterusan.

## 3 MENGUKUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN DALAM MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN HASIL

Majlis Daerah Tuaran perlu membuat perancangan dan menjana hasil-hasil baru dan mengoptimumkan sumber hasil dengan membangunkan kawasan yang berpotensi demi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Pengurusan kewangan yang cekap dan bersistematik adalah merupakan pemangkin kepada peningkatan sumber hasil.

# ANALISA PERSEKITARAN

## 4 PELUANG MENINGKATKAN SUMBER KEWANGAN

Kedudukan strategik daerah Tuaran yang menjadi laluan utama masyarakat dari Pantai Barat Sabah dan ke Pantai Timur Sabah juga sebaliknya. Hasil sumber alam semulajadi boleh dieksplotasikan sebagai produk pelancongan seterusnya memikat para pelabur untuk membuat pelaburan. Faktor-faktor ini mendorong pertumbuhan ekonomi daerah Tuaran dalam membangunkan sektor Pendidikan, perindustrian, perkhidmatan dan pelancongan.

## 5 MEMANTAPKAN PENGURUSAN MAJLIS

Pengurusan yang terancang dan berkualiti merangkumi pelbagai aspek seperti penyediaan kemudahan awam, perkhidmatan kesihatan dan kebersihan awam, penyelenggaraan infrastuktur dan landskap, tindakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan kawalan perniagaan melalui pelesenan amatlah perlu ke arah mewujudkan Majlis yang unggul.

## 6 KELEMAHAN ORGANISASI

Masalah yang wujud di Majlis Daerah pada Ketika ini adalah seperti undang-undang dan peraturan-peraturan yang diguna pakai banyak yang telah lapuk dan tidak relevan dengan keadaan semasa Daerah Tuaran yang semakin membangun. Selain daripada itu, kekurangan logistik, kekurangan sumber manusia dan kurangnya kemudahan ICT juga menjadi kelemahan kepada Organisasi Majlis. Rangkaian ini amat diperlukan bagi melaksanakan dan menjayakan pelan strategik di Majlis Daerah Tuaran.

## 7 KEPERLUAN UNTUK MEMANTAPKAN TEKNOLOGI ICT DALAM URUSAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Majlis Daerah Tuaran akan dapat memberikan penyampaian perkhdmatan yang effektif, cekap dan proaktif serta mesra pengguna sekirannya kemudahan ICT dapat dipertingkatkan secara bersepadu dan terkini.



# ISU DAN CABARAN KRITIKAL

| ELEMAN | ISU DAN CABARAN |
|---|---|
| **SUMBER MANUSIA** | 1. Kekurangan sumber manusia yang terlatih menyebabkan perkhidmatan yang diberikan tidak mencapai tahap kepuasan yang diingikan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, mendapati bahawa 50 % kakitangan terdiri daripada mereka yang dilantik kurang dari lima (5) tahun. Kakitangan ini kurang pendedahan dan pemahaman berkaitan dasar dan peraturan sedia ada. Program-program latihan yang telah diterapkan oleh Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia juga masih belum mampu diterima dengan baik.<br><br>2. Perkembangan kerjaya dalam organisasi yang terhad kerana skim perkhidmatan yang kecil menyebabkan pegawai yang dilantik kurang menunjukan minat untuk bekerja. Skim perkhidmatan di PBT seperti menutup peluang untuk mengembangkan kerjaya mereka. Kurangnya motivasi dan pemahaman berkaitan bidang tugas juga menjadi sebab tindakan yang efektif tidak dapat dilaksanakan.<br><br>3. Sehubungan dengan itu, pelbagai agenda perlu dilaksanakan bagi memantapkan lagi pengurusan sumber manusia. Sebagai contoh, menyediakan takwim latihan berkaitan dengan bidang tugas dan penerapan nilai-nilai murni, program penyemaian rasa kemulian tugas dan pekerjaan kepada semua kakitangan, membuat penggiliran tugas dan tempat kerja bagi memberikan pengalaman dan kemahiran baru kepada semua kakitangan yang dilantik.<br><br>4. Kekurangan kakitangan yang mahir dalam menggunakan ICT. |
| **IMEJ** | 5. Terdapat prosedur kerja yang telah lama dan tidak selaras dengan kehendak dan keperluan masyarakat. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap prosedur kerja di MDTRN, didapati ada beberapa peraturan dan undang-undang yang digunapakai telah lapuk dan tidak rasional untuk dilaksanakan. Hal ini telah menyebabkan kesukaran untuk pegawai dan kakitangan melaksanakan tugasan yang diberikan. |

# ISU DAN CABARAN KRITIKAL

| | |
|---|---|
| | 6. Imej Majlis perlu ditingkatkan bagi memberikan gambaran yang terbaik dan jelas kepada semua masyarakat. Sebagai contoh, memastikan semua kakitangan sentiasa menjaga nama baik Majlis, dan memperkenalkan Logo dan Identiti majlis dikenali dan disegani oleh semua masyarakat.<br>7. Didapati ada dikalangan kakitangan dan juga masyarakat kurang faham tentang fungsi dan peranan Majlis. Hal ini telah menyebabkan aduan dan masalah berulang berlaku, selain itu, perkara ini mengambarkan Majlis tidak melaksanakan kerja dengan efektif. Oleh itu, hebahan dan penerangan berkenaan dengan fungsi dan peranan Majlis perlu dilakukan agar masyarkat faham dengan lebih jelas. |
| **PERKHIDMATAN KEBERSIHAN** | 8. Peningkatan aduan berkaitan dengan perkhidmatan kebersihan bandar dan taman-taman perumahan, seperti sampah tidak dikutip, longkang tersumbat, rumput tidak dipotong dan sebagainya. Selain daripda itu aduan berkaitan dengan infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan berlubang, lampu tidak menyala.<br>9. Didalam menyelesaikan masalah tersebut, Majlis Daerah Tuaran mengalami masalah dari segi sumber kewangan yang terhad untuk menyelesaikan isu-isu tersebut. Selain daripada itu, masalah ini juga berlaku adalah disebabkan sikap segelintir masyarkat yang suka melakukan kerosakan dan vandalism. Kurangnya kesedaran sivik. |
| **SUMBER KEWANGAN YANG TERHAD.** | 10. Majlis Daerah Tuaran, menghadapi masalah kewangan yang terhad, kerana didapati pengurusan kewangan yang tidak cekap dan tidak bersistematik adalah menjadi punca utama masalah ini. Oleh yang demikian, Pengursan Majlis perlu membuat perancangan yang lebih teratur dan lebih awal sebelum membuat sesuatu perbelanjaan kewangan. |




# HALA TUJU STRATEGIK

## BAB 3

# NILAI-NILAI BERSAMA

Warga Majlis Daerah Tuaran berpegang kepada enam (6) nilai bersama dalam melaksanakan misinya ke arah pencapaian visi yang ditetapkan.

1. **ADIL** — Sentiasa berusaha membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan dan fakta yang lengkap dan tetap.

2. **AMANAH** — Menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dedikasi dan rasa tanggungjawab secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap pro-fesionalisma yang tinggi.

3. **BENAR** — Setiap amalan, tindakan dan perilaku hendaklah berasaskan kebenaran berdasarkan tindakan dengan telus, lengkap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan.

4. **BIJAKSANA** — Sentiasa berusaha melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bijaksana berpandukan undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada, ilmu pengetahuan kemahiran dan taraf profisionalisma yang tinggi.

5. **KERJA BERPASUKAN** — Sentiasa mempunyai semangat kekitaan, berkerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi tanpa mengambil kira perbezaam agama, kaum dan bahasa.

6. **TELUS** — Sentiasa bersikap positif dan terbuka dengan kewujudan prosedur kerja dan melaksanakan tindakan dengan telus, cekap serta menyelesaikan kerja mengikut masa yang ditetapkan.

# LAPAN (8) FOKUS / TERAS UTAMA PELAN STRATEGIK MAJLIS DAERAH TUARAN




PENGURUSAN PELESENAN YANG SISTEMATIK BERDASARKAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) YANG RELEVEN.

MEMPERTINGKATKAN KUALITI BAGI PEMBANGUNAN FIZIKAL.

MENINGKATKAN TAHAP PENGUATKUASAAN DARI SEGI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN MAJLIS DAERAH TUARAN DAN ARAHAN BAHARU DARI MASA KE MASA DI PERKADARAN MAJLIS DAERAH TUARAN.

MENINGKATKAN TAHAP KEBERSIHAN, KECERIAAN DAN KESIHATAN DI DAERAH TUARAN.

MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT.

MEMANTAPKAN DAN MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN SUMBER-SUMBER KEWANGAN.

MEMPERKASAKAN DAN MENINGKATKAN NILAI KUTIPAN HASIL DAN MENGGURANGKAN NILAI TUNGGAKAN.

MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.

# STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

## *Teras Strategik I :*

**MEMANTAPKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

| Strategi | Pelan Tindakan | Indikator | Tahun Sasaran |
|---|---|---|---|
| Memantapkan Pembangunan Organisasi | I. Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti Pegawai dan kakitangan.<br><br>II. Memantapkan penghayatan budaya perkhidmatan berkualiti dan organisasi cemerlang. | 1. Penurunan bilangan Kes tatatertib<br><br>2. Mengekalkan pencapaian kejayaan dan anugerah yang telah diperolehi | Sifar kes tatatertib<br><br>Mengekalkan dan meningkatkan pencapaian yang lebih cemerlang setiap tahun. |
| Memperkasakan Peranan Ahli Majlis | Peningkatan bilangan kehadiran mesyuarat penuh, mesyuarat jawatankuasa kecil dan sentiasa turun padang. | Mewujudkan KPI ahli Majlis. | Kehadiran mesyuarat 90% ke atas. |
| Mempertingkatkan imej organisasi | Mempertingkatkan budaya kerja secara kreatif dan inovatif | 1. Latihan budaya kerja kreatif dan inovatif | Sekurangnya setiap pegawai dan kakitangtan perlu menyertai kursus |

| Strategi | Pelan Tindakan | Indikator | Tahun Sasaran |
| --- | --- | --- | --- |
| | | 2. Anugerah Inovatif dan KIK | sekurangnya setahun 1 kali.<br><br>Memastikan penyertaan dalam pertingar KIK dan Inovatif yang dianjurkan pada setiap tahun. |
| | Penarafan dalam Star Rating PBT | Pematuhan kepada sistem dan prosedur, indikator, pekeliling dan peraturan yang telah ditetapkan. | Mendapatkan penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang menjelang 2023, dan meningkatkan peratusan markah untuk setiap tahun. |
| Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif | Mempertingkatkan jalinan dan hubungan baik antara pihak pengurusan dan kakitangan. Memberikan penghargaan kepada kakitangan. | Memberikan penghargaan kepada kakitangan yang menunjukan prestasti kerja yang cemerlang. | Majlis Perhimpunan kakitangan pada setiap bulan, dan penyampaian anugerah kepada tokoh pekerja cemerlang setiap bulan. |

| Strategi | Pelan Tindakan | Indikator | Tahun Sasaran |
|---|---|---|---|
| | Mewujudkan persekitaran kerja yang selesa | Mengeratkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan, ahli-ahli Majlis dan pekerja | Mengadakan aktivti, seperti hari keluarga, sambutan hari lahir, program berbuka puasa, rumah terbuka untuk setiap perayaan. Diadakan pada setiap tahun. |

# STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

## Teras Strategik 2 :

**MEMPERKASAKAN DAN MENINGKATKAN NILAI KUTIPAN HASIL DAN MENGGURANGKAN NILAI TUNGGAKAN.**

| Strategi | Pelan Tindakan | Indikator | Tahun Sasaran |
|---|---|---|---|
